

**KESEJAHTERAAN HIDUP DALAM KALANGAN
GELANDANGAN DEWASA**



**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**KESEJAHTERAAN HIDUP DALAM KALANGAN
GELANDANGAN DEWASA**

MUHAMMAD FAHEEM BIN MOHD DAHLAN



**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **KESEJAHTERAAN HIDUP DALAM KALANGAN GELANDANGAN DEWASA**

IJAZAH : **SARJANA PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

Saya **MUHAMMAD FAHEEM BIN MOHD DAHLAN**, Sesi **2018-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


**MUHAMMAD FAHEEM BIN MOHD
DAHLAN
MP1811162T**

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Prof. Madya Dr. Muhammad Idris
Bullare @ Hj Bahari)
Penyelia

Tarikh : 2022

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

06 April 2022


Muhammad Faheem Bin Mohd Dahlan
MP1811162T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MUHAMMAD FAHEEM BIN MOHD DAHLAN**
NO MATRIK : **MP1811162T**
TAJUK : **KESEJAHTERAAN HIDUP DALAM KALANGAN GELANDANGAN DEWASA**
IJAZAH : **SARJANA PSIKOLOGI**
BIDANG : **PSIKOLOGI**
TARIKH VIVA : **06 APRIL 2022**

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Muhammad Idris
bin Bullare @ Hj Bahari



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, akhirnya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjadi tulang belakang sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bin Bullare @ Hj Bahari yang sudi memberi tunjuk ajar dan bimbingan selain banyak memberi sokongan dan motivasi sepanjang menyiapkan kajian ini. Di samping itu, sekalung terima kasih diucapkan kepada ahli keluarga yang tercinta dan dikasih terutamanya ayahanda saya Tuan Hj Mohd Dahlan Bin Hj Omar dan ibunda Puan Rusimah Bte Hj Mohd Salleh yang telah menyediakan segala keperluan bagi memudahkan saya menyiapkan kajian ini serta memberikan sokongan dan motivasi serta iringan doa yang tidak terhenti. Semua ahli keluarga besar iaitu Legasi Bait As-Salam juga diucapkan terima kasih kerana menyokong langkah saya untuk meneruskan pengajian dan menyelesaikan kajian ini sehingga akhirnya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan, pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan, kakitangan pentadbiran Blok Psikologi, sahabat Felo Kolej Kediaman Sri Angkasa, Taman Ekologi dan Kolej Tun Fuad kerana telah memberi tunjuk ajar dan sanggup membantu dan menjadi tempat berkongsi cerita terutama ketika menghadapi kesulitan sepanjang kajian ini. Tidak dilupakan kepada pihak Puan Nordina Haron (Ketua Pegawai Eksekutif, YKN) dan seluruh warga kerja YKN yang membantu dalam sepanjang proses kutipan data kajian. Segala jasa baik yang telah dicurahkan adalah sangat dihargai dan akan dikenang selamanya.

Tanpa sokongan dan pertolongan daripada semua pihak dalam mengatasi semua cabaran dan rintangan ini maka tidak sempurnalah kajian ini dan saya amat menikmati perjalanan saya dalam pengajian ini. *I'm happy and enjoy with my master journey.*

Muhammad Faheem Bin Mohd Dahlan

06 April 2022

ABSTRAK

Isu gelandangan kini menjadi satu masalah nasional sejak kebelakangan ini. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan untuk 1) mengkaji dimensi kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan, 2) mengkaji sumber kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan, dan 3) mengkaji berkaitan dengan strategi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kes instrumental dan temu bual mendalam merupakan kaedah pengumpulan data dalam kalangan gelandangan. Seramai 10 individu yang menjalani kehidupan bergelandangan dan kini sedang ditempatkan di rumah perlindungan Anjung Singgah di Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Pecahan responden dalam kalangan gelandangan adalah (5 orang dari Anjung Singgah Johor Bahru dan 5 orang di Anjung Singgah Kuala Lumpur), masing-masing berumur di antara 30 hingga 58 tahun dan telah menyertai kajian serta data dikumpul dengan menggunakan temu bual secara mendalam. Analisis tematik telah digunakan dalam kajian ini dan telah menemui lima (5) dimensi kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan iaitu 1) kepuasan, 2) permaknaan, 3) kerohanian, 4) emosi positif dan 5) hubungan positif. Kajian ini juga telah menemui lapan (8) sumber kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan iaitu 1) interaksi sosial, 2) sokongan sosial, 3) sokongan institusi, 4) penerimaan, 5) kesaksamaan, 6) sokongan keluarga, 7) kesihatan fizikal dan 8) kebolehcapaian. Akhir sekali, sebanyak lima (5) strategi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan iaitu 1) berfikiran positif, 2) komunikasi interpersonal, 3) hubungan sosial, 4) penetapan kendiri dan 5) pengurusan rohani. Kajian ini telah memberikan pemahaman baharu berkaitan dengan fenomena kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan di Malaysia khususnya. Golongan gelandangan menginginkan kehidupan berdikari, menyumbang kepada masyarakat dan menghapuskan stigma terhadap golongan gelandangan. Kajian ini dapat memberikan gambaran awal dengan jelas dan kefahaman berkaitan dengan isu kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan kepada institusi keluarga, pemegang taruh dan masyarakat untuk membantu serta meningkatkan kesejahteraan hidup golongan gelandangan.

Kata kunci: kesejahteraan hidup, golongan gelandangan, kajian kes instrumental, temu bual mendalam.

ABSTRACT

LIFE WELL-BEING AMONG HOMELESS ADULTS

The issue of homelessness has become a national problem in recent times. This study aims to explore the well-being of life among homeless people. Specifically, this study aims to 1) to study the dimensions of well-being among homeless people, 2) to study the sources of well-being among homeless people, and 3) to study related strategies to improve the well-being of life among homeless people. This study used an instrumental case study design and in-depth interviews are a method of data collection among homeless people. A total of ten (10) individuals who have lived a life that once lived a homeless life are currently being housed in the Anjung Singgah shelter in Johor Bahru and Kuala Lumpur. The breakdown of respondents among the homeless is (five people from Anjung Singgah Johor Bahru and five people in Anjung Singgah Kuala Lumpur). Their age is between 30 to 58 years, and the data was collected using in-depth interviews (in-depth interviews). Thematic analysis has been used in this study and has identified five (5) dimensions of well-being among homeless people, namely 1) satisfaction, 2) meaning, 3) spirituality, 4) positive emotions, and 5) positive relationships. This study has also found eight (8) sources of well-being among homeless people, namely 1) social interaction, 2) social support, 3) institutional support, 4) acceptance, 5) equality, 6) family support, 7) physical health and 8) accessibility. Finally, there are five (5) strategies to improve the well-being of life among the homeless, namely 1) positive thinking, 2) interpersonal communication, 3) social relationships, 4) self-determination, and 5) spiritual management. This study provided a new understanding related to the phenomenon of well-being among the homeless in Malaysia in particular. Homeless people want to live independently, contribute to society and remove the stigma against homeless people. This study can provide a clear initial picture and understanding related to the issue of well-being among the homeless to family institutions, stakeholders and the community to help and improve the well-being of the homeless

Keywords: well-being, homeless people, instrumental case studies, in-depth interviews.


SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
 BAB 1: PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	15
1.4 Persoalan Kajian	20
1.5 Tujuan Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Definisi Konsep	24
1.7.1 Kesejahteraan Hidup	25
1.7.2 Gelandangan	31
1.8 Skop Kajian	34
1.9 Kesimpulan	35
 BAB 2: SOROTAN LITERATUR	 36
2.1 Pendahuluan	36
2.2 Statistik Gelandangan Dunia	36
2.3 Teori-teori Kesejahteraan Hidup	39
2.3.1 Teori Kesejahteraan Bradburn (1969)	39
2.3.2 Teori Kesejahteraan Psikologi Carol Ryff (1989)	40
2.3.3 Model Kesejahteraan Hidup PERMA Martin Seligman (2011)	45
2.4 Model Ekologi Gelandangan (Nooe & Patterson, 2010)	48
2.5 Ulasan Kajian Lepas	50
2.5.1 Kajian Kesejahteraan Umum	51
2.5.2 Kajian Kesejahteraan Golongan	59

	Gelandangan dan Kemiskinan	
2.6	Faktor Kewujudan Golongan Gelandangan	63
	2.6.1 Kewangan dan Ketiadaan Pekerjaan	63
	2.6.2 Devian dan Masalah Sosial	65
	2.6.3 Diskriminasi dan Stigma	66
	2.6.4 Masalah Kesihatan dan Mental	69
	2.6.5 Pengabaian Keluarga dan Penderaan	70
2.7	Gelandangan dan Kesihatan	72
	2.7.1 Kesihatan Fizikal	72
	2.7.2 Kesihatan Mental	74
2.8	Gelandangan dan Golongan Belia	76
2.9	Gelandangan dan Golongan Wanita	78
2.10	Gelandangan dan Golongan Warga Emas	81
2.11	Gelandangan dan Migrasi	84
2.12	Gelandangan dan Kanak-kanak	85
	2.12.1 Kanak-kanak daripada Keluarga Miskin Tegar	87
	2.12.2 Kanak-kanak yang Tiada Dokumentasi	87
	Pengenalan Diri	
	2.12.3 Kanak-kanak yang Berhenti Belajar di Pertengahan	88
2.13	Kesimpulan	89
	BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	91
3.1	Pendahuluan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
	3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kes	92
3.3	Lokasi Kajian	95
3.4	Peserta Kajian	97
3.5	Prosedur Kajian	101
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	102
3.7	Analisis Data	102
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	105
3.9	Kesimpulan	105
	BAB 4: KAJIAN KES INSTRUMENTAL	107
4.1	Pendahuluan	107
4.2	Kes 1	109
	4.2.1 Dimensi Kesejahteraan Hidup	109
	4.2.2 Sumber Kesejahteraan Hidup	116
	4.2.3 Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	125
4.3	Kes 2	128
	4.3.1 Dimensi Kesejahteraan Hidup	128
	4.3.2 Sumber Kesejahteraan Hidup	133
	4.3.3 Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	137
4.4	Kes 3	140
	4.4.1 Dimensi Kesejahteraan Hidup	141
	4.4.2 Sumber Kesejahteraan Hidup	144

	4.4.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	148
4.5	Kes 4		150
	4.5.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	151
	4.5.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	154
	4.5.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	158
4.6	Kes 5		160
	4.6.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	161
	4.6.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	164
	4.6.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	167
4.7	Kes 6		169
	4.7.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	169
	4.7.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	172
	4.7.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	176
4.8	Kes 7		179
	4.8.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	180
	4.8.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	183
	4.8.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	187
4.9	Kes 8		189
	4.9.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	189
	4.9.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	193
	4.9.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	197
4.10	Kes 9		199
	4.10.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	199
	4.10.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	202
	4.10.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	208
4.11	Kes 10		211
	4.11.1	Dimensi Kesejahteraan Hidup	212
	4.11.2	Sumber Kesejahteraan Hidup	215
	4.11.3	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	220
4.12	Kesimpulan		223
	BAB 5: PERBINCANGAN KAJIAN KES INSTRUMENTAL		224
5.1	Pendahuluan		224
5.2	Ringkasan Kajian: Kajian Kes Instrumental		224
	Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan Dewasa		
5.3	Dimensi Kesejahteraan Hidup		225
	5.3.1 Emosi Positif		226
	5.3.2 Hubungan Positif		228
	5.3.3 Permaknaan Hidup		229
	5.3.4 Kerohanian		230
	5.3.5 Kepuasan Hidup		231
5.4	Sumber Kesejahteraan Hidup		232
	.4.1 Interaksi Sosial		233
	5.4.2 Sokongan Sosial		233
	5.4.3 Sokongan Institusi		234
	5.4.4 Penerimaan		235

5.4.5	Kesaksamaan	236
5.4.6	Sokongan Keluarga	237
5.4.7	Kesihatan Fizikal	238
5.4.8	Kebolehcapaian	239
5.5	Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup	240
5.5.1	Berfikiran Positif	240
5.5.2	Komunikasi Interpersonal	242
5.5.3	Hubungan Sosial	243
5.5.4	Penetapan Diri	245
5.5.5	Pengurusan Rohani	246
5.6	Kesimpulan	247
BAB 6: PENUTUP		249
6.1	Pendahuluan	249
6.2	Rumusan Kajian	249
6.3	Implikasi Kajian Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan Dewasa	252
6.3.1	Implikasi Teori dan Model	252
6.3.2	Implikasi Dasar	255
6.4	Sumbangan Kajian Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan Dewasa	257
6.5	Limitasi dan Cadangan Kajian kepada Pengkaji Masa Hadapan	262
6.6	Kesimpulan	264
RUJUKAN		266
LAMPIRAN		330



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Indeks Kesejahteraan Hidup Rakyat Malaysia (2000 hingga 2020)	4
Jadual 1.2: Statistik Golongan Gelandangan yang Diselamatkan bagi Tahun 2013 hingga 2017	9
Jadual 1.3: Statistik Penghuni (Gelandangan) di Anjung Singgah Mengikut Negeri dan Jantina sehingga Tahun 2019	11
Jadual 1.4: Faktor yang Mendorong Seseorang Menjadi Gelandangan	13
Jadual 3.1: Maklumat Demografi setiap Kes dalam Kalangan Gelandangan	100
Jadual 4.1: Ringkasan Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan bagi Keseluruhan Kes	108
Jadual 4.2: Ringkasan Tema Sumber Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan bagi Keseluruhan Kes	108
Jadual 4.3: Ringkasan Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan bagi Keseluruhan Kes	108
Jadual 4.4: Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 1	109
Jadual 4.5: Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 1	117
Jadual 4.6: Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 1	126
Jadual 4.7: Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 2	129

Jadual 4.8:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 2	133
Jadual 4.9:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 2	137
Jadual 4.10:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 3	141
Jadual 4.11:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 3	145
Jadual 4.12:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 3	148
Jadual 4.13:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 4	151
Jadual 4.14:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 4	155
Jadual 4.15:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 4	158
Jadual 4.16:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 5	161
Jadual 4.17:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 5	164
Jadual 4.18:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 5	167
Jadual 4.19:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 6	169
Jadual 4.20:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 6	172
Jadual 4.21:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 6	177
Jadual 4.22:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 7	180
Jadual 4.23:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 7	183

Jadual 4.24:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 7	187
Jadual 4.25:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 8	190
Jadual 4.26:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 8	193
Jadual 4.27:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 8	197
Jadual 4.28:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 9	199
Jadual 4.29:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 9	202
Jadual 4.30:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 9	208
Jadual 4.31:	Senarai Tema Dimensi Kesejahteraan Hidup bagi Kes 10	212
Jadual 4.32:	Senarai Tema Sumber Kesejahteraan Hidup bagi Kes 10	216
Jadual 4.33:	Senarai Tema Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup bagi Kes 10	220
Jadual 6.1:	Ringkasan Komponen Dimensi Kesejahteraan Hidup	259
Jadual 6.2:	Sumber Kesejahteraan Hidup Indeks Kualiti Hidup Masyarakat dan Sumber Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan Penyelidikan Semasa	260
Jadual 6.3:	Strategi Kesejahteraan Hidup Bukan Golongan Gelandangan dan Strategi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan	261

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Dimensi-Dimensi Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989)	43
Rajah 2.2: Model Kesejahteraan Hidup – PERMA Model (Seligman, 2011)	45
Rajah 2.3: Model Ekologi Gelandangan (Nooe & Patterson, 2010)	48
Rajah 6.1: Dimensi Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan Dewasa	254
Rajah 6.2: Sumber Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan Dewasa	255
Rajah 6.3: Model Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan Dewasa	264



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AIDS	- <i>Acquired Immunodeficiency Syndrome</i>
HIV	- <i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IKHRM	- Indeks Kualiti Hidup Rakyat Malaysia
IKRM	- Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
JIM	- Jabatan Imigresen Malaysia
JKMM	- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
KPWKM	- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
NBOS	- <i>National Blue Ocean Strategy</i>
NGO	- <i>Non-Government Organization</i>
PBB	- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PTGKL	- Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur
PWB	- <i>Psychological Well-Being</i>
RMK-10	- Rancangan Malaysia Kesepuluh
SDSN	- <i>Sustainable Development Solutions Network</i>
SWB	- <i>Subjective Well-Being</i>
UNHCR	- <i>United Nation High Commisionner for Refugees</i>
WHO	- <i>World Health Organization</i>
YKN	- Yayasan Kebajikan Negara

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Dokumen Penyelidikan	330
Lampiran B: Keputusan Penemuan Tema Bagi Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan Dewasa	336
Lampiran C: Dokumen Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	345
Lampiran D: Penerbitan	350



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Falsafah berkaitan dengan kesejahteraan hidup ini telah menyentuh tentang kehidupan manusia dalam keadaan baik dan kebahagiaan yang telah dipelajari dalam kalangan masyarakat Tamadun Yunani. Kesejahteraan hidup ini telah dijadikan sebagai tema perbincangan utama oleh ahli falsafah Yunani iaitu Aristotle semasa ketamadunan Yunani. Aristotle tidak menyentuh tentang kepuasan psikologi semata-mata akan tetapi, menyentuh tentang perkembangan manusia, kemajuan berdasarkan kecemerlangan moral dan intelektual (Fletcher, 2015). Melalui Reeve (1995), terdapat empat aspek yang boleh memberikan seseorang manusia itu ke arah mencapai kesejahteraan dalam hidupnya, 1) kebajikan moral yang berkaitan dengan hubungan sosial, 2) aspek intelektual dan kerohanian, 3) keperluan asas yang mencukupi dan membolehkan manusia untuk memenuhi keperluan asas, 4) mempunyai nasib hidup yang baik dan terhindar daripada masalah.

Ahli falsafah menyatakan bahawa kesejahteraan hidup berupaya untuk meningkatkan tahap kehidupan ke arah yang sempurna (Parfit, 1984). Menurut *State of Global Well-Being Index: Country Well-Being Rankings* (2014), masyarakat dalam sesebuah negara perlu mencapai kesejahteraan hidup melalui perkhidmatan yang disediakan oleh negaranya. Misalnya, negara-negara Eropah mementingkan kesejahteraan hidup dalam kalangan rakyat dengan cara bahawa setiap rakyatnya dapat menikmati produktiviti yang tinggi, kos penjagaan kesihatan yang rendah, kehidupan lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dan lebih berkemungkinan untuk menyumbang kepada kejayaan satu organisasi dan komuniti

mereka. Kehidupan yang berbentuk kebendaan perlu seiring dengan keperluan dan kepentingan manusia seperti tidak merasai penderitaan dan keperitan hidup, keadilan sosial dan kesejahteraan hidup.

Perkembangan penting dalam bidang ini sejak beberapa dekad yang lalu adalah pengiktirafan dan penerimaan yang semakin meningkat kesejahteraan itu terdiri dari banyak aspek bahawa ia tidak dapat diwakili sepenuhnya oleh satu ukuran. Seseorang yang mengalami kemurungan tidak boleh dikatakan sihat; namun, untuk menyamakan kesejahteraan dengan ketiadaan kemurungan kehilangan banyak dari apa yang orang perjuangkan ketika mereka berusaha untuk meningkatkan dan memelihara kesejahteraan mereka. Dengan kata lain, kesejahteraan merangkumi kekurangan penderitaan, tetapi lebih daripada ini (Diener, 1984; Seligman & Csikszentmihalyi, 2000).

Mengikut *World Health Organization* (WHO) (2012), kesejahteraan hidup ialah merujuk kepada keadaan kesihatan yang optimum. Keseronokan dan pendekatan yang positif dalam gaya hidup akan membawa kepada kesejahteraan hidup manusia pada tahap yang tinggi. Keadaan ini amat penting bagi meningkatkan perkembangan kendiri dan kualiti kehidupan (Billson, 2005). Fokus kepada tanggungjawab kendiri, pengisian kendiri dan kualiti hidup yang lebih baik. Konsep kesejahteraan merujuk kepada satu konsep memperkaya sikap ke arah kesihatan yang akan menolong mengurangkan faktor yang berpotensi berisiko seperti penyakit dan meningkatkan kesejahteraan (Ryff & Keyes, 1989).

Setiap negara mempunyai matlamat bagi memastikan rakyatnya mencapai kesejahteraan hidup yang baik termasuk Malaysia. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia selari dengan saranan yang telah digariskan oleh *State of Global Well-Being Index: Country Well-Being Rankings* (2014), iaitu pihak kerajaan di sesebuah negara hendaklah menggunakan pengukuran dimensi efektif dalam penilaian kesejahteraan hidup yang sistematik selain pengukuran khusus iaitu aspek ekonomi, sosial dan prestasi persekitaran. Dengan cara ini, kerajaan sesebuah negara dapat memantau kemajuan bagi membangunkan konsep pembangunan lestari dan dapat membandingkannya dengan pencapaian negara lain. Kesejahteraan hidup amat penting bagi semua negara sebagai prasyarat yang paling utama dalam

mewujudkan suasana yang lebih harmoni yang terwujudnya kebahagiaan dan keamanan yang sebenar dalam sesebuah komuniti serta sesebuah negara (Roslan Mohamed & Siti Aishah, 2008). Menurut Zulfikri Abd Wahab (2015), Malaysia telah banyak merangka dan melaksanakan program pembangunan komuniti yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyatnya dan bahkan bukan kepada Malaysia sahaja yang memberi penumpuan terhadap pembangunan kesejahteraan hidup, tetapi negara maju juga menggunakan pendekatan yang sama sebagai salah satu agenda utama negara dalam pembangunan negara (Azizah Md Yusof, 2014).

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), kesejahteraan rakyat telah dipertingkatkan melalui tumpuan yang berterusan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan, keselamatan awam, penyediaan perumahan mampu milik, integrasi sosial dan pembangunan sukan. Melihat kepada inisiatif tersebut, kesejahteraan rakyat dalam keadaan sederhana baik seperti yang dilaporkan dalam Laporan Kesejahteraan Hidup Rakyat Malaysia 2020. Indeks Kesejahteraan Hidup Rakyat Malaysia (IKHRM) keseluruhannya menunjukkan peningkatan sebanyak 25.4 mata antara tahun 2000 dan 2012, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Sub Komposit kesejahteraan ekonomi meningkat 33.3 mata dan manakala sub komposit kesejahteraan sosial meningkat 21.0 mata. Dimensi kesejahteraan ekonomi merangkumi komponen seperti pengangkutan dan pendidikan, manakala dimensi sosial merangkumi komponen seperti perumahan, keselamatan awam dan penyertaan sosial. Nilai Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia pada tahun 2012 adalah sebanyak 125.4 mata bersamaan dengan 62.7 peratus iaitu pada tahap sederhana. Tahap kesejahteraan hidup rakyat Malaysia selepas 2012 menunjukkan perubahan yang tidak ketara dan masih dalam keadaan yang baik. Indeks Kesejahteraan Hidup Rakyat Malaysia (IKHRM) pada tahun 2020 menunjukkan penurunan yang ketara sebanyak 2.1 mata kepada 118.3 mata berbanding tahun 2019 iaitu 120.8 mata. Hal ini adalah disebabkan kesan Pandemik COVID-19 yang melanda negara sehingga kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menjaskan sektor ekonomi dan sosial dalam negara.

Jadual 1.1: Indeks Kesejahteraan Hidup Rakyat Malaysia, 2000 hingga 2020

Tahun	Kesejahteraan	Kesejahteraan	Indeks Komposit
	Ekonomi	Sosial	
2000	100.0	100.0	100.0 (50%)
2001	101.5	102.2	101.9 (50.9%)
2002	102.7	104.7	104.0 (52%)
2003	106.1	105.0	105.4 (52.7%)
2004	108.7	106.5	107.3 (53.7%)
2005	110.5	107.6	108.7 (54.4%)
2006	114.3	108.5	110.6 (55.3%)
2007	119.0	110.7	113.7 (56.9%)
2008	120.0	112.0	114.9 (57.5%)
2009	121.1	113.3	116.1 (58%)
2010	124.2	117.2	119.7 (59.9%)
2011	128.5	118.9	122.3 (61.2%)
2012	133.3	121.0	125.4 (62.7%)
2013	128.0	117.9	121.5 (60.8%)
2014	130.0	120.3	123.7 (61.9%)
2015	130.2	120.1	121.8 (60.9%)
2016	130.3	118.6	122.8 (61.4%)
2017	130.1	116.5	121.4 (60.7%)
2018	131.0	117.7	122.4 (61.2%)
2019	131.8	114.9	120.8 (60.4%)
2020	126.2	114.0	118.3 (59.2%)

Sumber: Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2020, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia

Pendekatan dan usaha kerajaan Malaysia telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Hidup Malaysia (IKHRM) pada tahun 2013. Indeks tersebut telah menjadi petunjuk utama untuk mengira tahap sosioekonomi penduduk di Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2013). Bagi konteks IKHRM, kesejahteraan merujuk kepada pelbagai manfaat yang diperoleh dan dinikmati secara langsung atau tidak langsung yang menyumbang kepada kepuasan individu, keluarga dan masyarakat.

Dengan cara ini, kerajaan sesebuah negara dapat memantau kemajuan bagi konsep pembangunan lestari dan membandingkannya dengan pencapaian dari negara-negara lain. Keperluan untuk mengukur dan menilai kesejahteraan bukan hanya bersandarkan kepada individu yang memiliki fizikal yang sihat. Namun demikian, golongan gelandangan juga perlu terlibat sama dalam penilaian tersebut.

Kesejahteraan hidup merupakan istilah yang universal dan subjektif kerana kesejahteraan hidup mempunyai konsep yang sangat unik serta berbeza-beza tafsiran bagi setiap individu. Kebanyakan tokoh cendekiawan telah memberikan usaha yang signifikan dalam memahami konsep kesejahteraan hidup tersebut. Perbicaraan berkaitan dengan kesejahteraan hidup juga amat diperlukan oleh semua individu malah juga kepada golongan gelandangan. Secara majoritinya, kesejahteraan hidup dalam kalangan golongan gelandangan kerap dikaitkan dengan kualiti hidup dan darjah kesejahteraan (Ross & Willigen, 2001), masalah kepuasan diri, keselesaan dan kesihatan (Goland, Bell, & Hamilton, 2002). Gelandangan juga sering kehidupannya dibelenggu oleh masalah yang melibatkan keselamatan diri dan juga tempat tinggal kerana kediaman yang atau kawasan yang didiami adalah kurang memberangsangkan untuk diduduki dalam jangka masa yang panjang. Masalah kesihatan fizikal juga membelenggu golongan ini (Suzana Shahar & Nur Asyura Adnan, 2007), pengabaian dan pengasingan kehidupan daripada masyarakat umum (Ferguson & Xie, 2008).

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menerokai lebih mendalam tentang kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. Bab pendahuluan ini menerangkan lebih terperinci berkaitan latar belakang kajian tentang kesejahteraan secara umum dan kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. Nilai Indeks Kesejahteraan Hidup Rakyat Malaysia pada tahun 2020 telah merangkumi keseluruhan rakyat di Malaysia dan indeks tersebut sebagai panduan untuk mengetahui berkaitan dengan pola tahap kesejahteraan hidup rakyat Malaysia setiap tahun. Persoalannya adakah golongan gelandangan diambil kira dan turut serta dalam sesi penilaian untuk mengukur tahap kesejahteraan hidup rakyat Malaysia? Dengan persoalan itu, kajian yang menumpukan kepada penerokaan kesejahteraan hidup golongan gelandangan perlu dijalankan. Di samping itu, bab ini

juga menjelaskan berkaitan dengan permasalahan kajian, persoalan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesejahteraan hidup setiap individu kebiasaannya dimiliki dengan pelbagai cara yang digunakan supaya kesejahteraan hidup dapat dicapai. Antara cara yang sering dikaitkan dengan individu untuk memastikan kehidupan yang dilaluinya itu sejahtera melalui kejayaan yang diperoleh dalam bidang kehidupan seperti persahabatan, perkahwinan, pekerjaan, tugas, pendapatan, kesihatan mental dan kesejahteraan psikologikal (Gilbert, 2006; Haidt, 2005; Lyubomirsky, King & Diener, 2005; Myers & Diener, 1995; Ryff & Keyes, 1995). Individu yang menikmati kesejahteraan hidup merupakan individu yang menghampiri tahap kepuasan dalam hidupnya yang sedia ada memiliki tahap kesihatan yang baik, berpendidikan tinggi, personaliti yang baik, tidak mempunyai masalah berat dalam kehidupan dan memiliki aspirasi dalam hidup yang jelas (Wilson, 2007).

Kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai tambah kepada manusia tentang pola dan cara kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya (Azizah Abdul Rahman, Mohd Shaladdin & Wan Abdul Aziz, 2013). Kesejahteraan seseorang individu kebanyakannya bergantung kepada kesejahteraan psikologi yang dialaminya. Costanza et al. (2007), membincangkan konsep kesejahteraan dengan mengintegrasikannya dengan peluang, keperluan manusia dan kualiti hidup. Konsep kesejahteraan merujuk kepada sejauh mana keperluan manusia dapat dipenuhi dan diukur secara objektif dan subjektif. Keperluan manusia merujuk kepada keperluan asas untuk hidup seperti sara hidup, reproduktif dan keselamatan. Kualiti hidup berkaitan dengan persepsi individu terhadap kepuasan tentang sesuatu keadaan, persekitaran dan hubungan secara relatif dengan alternatif yang sedia ada seperti keluarga dan rakan, kerja, pendapatan, kejiranan dan tempat tinggal (Goldsmith, 2005).

Hal ini, tidak dinafikan bahawa setiap individu amat menginginkan kesejahteraan hidup selepas mengalami titik hitam dalam kehidupan perlu